

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, March 6, 2019 9:04 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Professor's Corner Tarikan Baharu Di UUM



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

06 MAC 2019 / 29 JAMADILAKHIR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Nasiha Abdul Rashid

PROFESSOR'S CORNER TARIKAN BAHARU DI UUM



UUM ONLINE: Professor's Corner menjadi satu tarikan baharu di Universiti Utara Malaysia (UUM) apabila sudut pameran yang berbentuk galeri dengan mempamerkan bahan-bahan hasil penulisan profesor-profesor di universiti ini dilancarkan baru-baru ini.

Pengerusi Lembaga Pengarah UUM, Dato' Prof. Dr. Sudin Harun berkata, Professor's Corner merupakan satu manifestasi UUM dalam usaha menggalakkan kakitangan akademik menerbitkan buku-buku ilmiah.

"Saya berpandangan Professor's Corner ini akan menjadi pendorong kepada kakitangan akademik muda untuk menceburkan diri dalam penulisan, kerana pada saya sebagai manusia biasa dan ahli akademik biasa, mereka tentunya ingin melihat bahan-bahan akademik yang mereka hasilkan ditonton oleh masyarakat.

“Apabila wujudnya Professor’s Corner ini, maka pelajar dan orang ramai yang berkunjung ke Perpustakaan Sultanah Bahiyah (PSB) akan melihat sumbangan dan ketokohan profesor-profesor yang ada di sini, mengikut bidang dan kepakaran masing-masing,” ujar beliau ketika berkunjung buat kali pertama ke sudut pameran ini setelah ianya dirasmikan dalam majlis Sambutan Hari Pengasasan UUM yang ke-35 di Dewan Mu’adzam Shah.

Menurutnya lagi, Professor’s Corner ini adalah antara yang pertama di Malaysia dan mungkin yang pertama di dunia.

“Semasa saya berkunjung ke perpustakaan universiti di luar negara ketika berada dalam lapangan akademik sebelum ini, saya belum pernah menjumpai sudut Professor’s Corner seperti ini. Jadi kita sebagai sebuah universiti pengurusan, inilah antara pembaharuan yang kita buat,” jelas beliau.

Tambah beliau lagi, sudut Professor’s Corner ini bertepatan dengan hasrat Kementerian Pendidikan untuk menggalakkan budaya membaca serta menjadikan perpustakaan sebagai sumber rujukan ke arah masyarakat membaca dan mendapat ilmu.

Turut hadir dalam kunjungan berkenaan, Pendaftar UUM, Baharudin Yaacob; Ketua Pustakawan, Salleh Hudin Mustaffa serta kakitangan PSB.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.